

Cemerlang akademik seiring kokurikulum Chang Ying Shi cemerlang



Kuantan, 18 November- Chang Ying Shi, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dipilih sebagai penerima Anugerah Naib Canselor pada Majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Malaysia Pahang yang berlangsung selama tiga hari mulai 18 hingga 20 November 2017.

Pelajar berusia 24 tahun daripada Sungai Petani Kedah dipilih berdasarkan kejayaan dan kecemerlangan beliau di dalam akademik serta kokurikulum.

Penglibatan aktif beliau bukan sahaja di peringkat UMP malahan di peringkat kebangsaan juga apabila terpilih mewakili UMP pada peringkat kebangsaan di dalam Technical Essay Writing in NACES 2016, Pertandingan Nyanyian Lagu Bahasa Mandarin Peringkat IPT 2014 dan juga Pesta Tarian Cina Malaysia ke-26 sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Selain itu, beliau turut mewakili UMP sebagai pembentang kertas kerja pada International Conference on Catalysis 2016, selain sebagai penulis bersama bagi jurnal "Photocatalytic Restoration Of Liquid Effluent From Palm Oil Agroindustry In Malaysia Using Tungsten Oxides Catalyst" yang diterbitkan dalam Journal of Cleaner Production.

"Kejayaan paling membanggakan saya sepanjang pengajian di UMP ialah apabila terpilih memenangi "Best Of The Best Group In Plant Design Presentation 2017, memenangi pingat perak pada CITREX 2017, Top 10 Technical Essay Writing in NACES 2016 dan memang tempat kelima dalam Pertandingan Chem E-Car," ujar Chang lagi.

Chang turut menyatakan bahawa tanpa sokongan keluarga serta usaha yang gigih kejayaan yang diperoleh pada hari ini tidak mungkin dikecapi.

"Sentiasa berfikiran positif dan mental yang stabil adalah perlu untuk menganalisa serta menyelesaikan masalah yang dihadapi adalah prinsip yang saya pegang untuk berjaya," tambah Chang lagi.

Ketika ini Chang bertugas sebagai Jurutera Analisa Proses di Fatty Chemical (M) Sdn. Bhd. dan beliau berharap agar ilmu yang diperoleh dalam bidang kejuruteraan kimia industri dapat dimanfaatkan seterusnya membantu beliau untuk menjadi seorang jurutera yang kompeten dan memenuhi keperluan industri.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 23-11-2017, 10:07:23